

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 24 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 23**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L08749  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini kes COVID-19 di negara ini dari segi jumlah kes termasuk yang mengakibatkan kematian, dalam wad ICU dan telah dipulihkan di kalangan rakyat negara ini dan warga asing serta nyatakan sejauh manakah keberkesanan tindakan Kerajaan mengenakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah berjaya membendung penyakit ini dari terus menular, merebak dan menjangkiti rakyat negara ini.
  
2. PR-1432-L09481  
**Tuan Awang Husaini bin Sahari [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratusan pelajar-pelajar negeri Sabah dan Sarawak yang mendapat tajaan Biasiswa Petronas pada peringkat pengajian tinggi di dalam dan di luar negara bermula dari awal program tajaan ini dilaksanakan.
  
3. PR-1432-L08981  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah impak utama hasil promosi sawit yang dibuat oleh Kementerian ke negara-negara yang pernah dilawati kepada industri sawit negara.
  
4. PR-1432-L09978  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini penyelesaian sempadan Wilayah Persekutuan - Selangor.

5. PR-1432-L09734  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah undang-undang sedia ada pada ketika ini mencukupi untuk memelihara keharmonian dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia.
6. PR-1432-L09174  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan pekerja sektor perladangan komoditi akibat pemberhentian kemasukan pekerja asing akibat COVID-19.
7. PR-1432-L09639  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini rumah generasi kedua FELDA yang terbengkalai di FELDA K5, Kemaman.
8. PR-1432-L09194  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak dan Klinik Kesihatan Tabuan Jaya. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat. Apakah sebab projek tersebut ditangguhkan dan tender dibuat sekali lagi.
9. PR-1432-L09706  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan penguatkuasaan susulan bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) pasca PKPB.
10. PR-1432-L09208  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian telah memastikan setiap seorang Jemaah Menterinya menerima, menghormati dan mendukung semangat-semangat Rukun Negara dan sama ada beliau bersedia untuk membuang mana-mana Menteri yang tidak menjunjung semangat Rukun Negara.
11. PR-1432-L09360  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menaik taraf Hospital Betong dalam masa terdekat ini.

12. PR-1432-L09432  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) jumlah penjualan/pelupusan aset Boustead Holding Berhad (BHB) setiap tahun antara 2008 hingga 2020 ; dan
  - (b) jumlah pinjaman yang diambil oleh BHB setiap tahun antara 2008 hingga 2020.
13. PR-1432-L08772  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemantauan Kerajaan terhadap puluhan tabung atau bantuan kutip derma pandemik COVID-19 yang dilancarkan oleh badan NGO atau organisasi kerja amal dan persendirian, dan adakah dana yang dikumpul disalurkan kepada kumpulan tersasar.
14. PR-1432-L09150  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana perbincangan Malaysia dengan Singapura berkenaan Projek Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR). Adakah ianya akan diteruskan; jika ya berapakah kos keseluruhan bagi projek ini dan sama ada terdapat kos tambahan yang timbul daripada penangguhan kali kedua projek HSR ini.
15. PR-1432-L09117  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci jangkaan manfaat yang akan dibawa oleh penubuhan Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS) kepada syarikat permulaan dan usahawan teknologi tinggi.
16. PR-1432-L10007  
**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kerajaan dengan larangan merokok di restoran dan tempat awam seterusnya menyatakan sejauh mana tahap penguatkuasaan terhadap larangan tersebut. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk meringankan dengan meminda undang-undang berkait larangan merokok. Berapa kes telah diambil tindakan oleh penguatkuasa kesihatan.

17. PR-1432-L09589  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah memperbaiki pengukuran kemiskinan multi dimensi RMK-11 agar pangkalan data bagi taburan kemiskinan di Malaysia lebih jitu sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Profesor Fatimah Kari daripada Universiti Malaya bahawa kadar kemiskinan sebenar tidak hanya dapat ditentukan melalui jumlah pendapatan semata-mata.
18. PR-1432-L09326  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 akan diteruskan oleh Kerajaan. Setakat kini, sejauh manakah 6 strategi, 17 objektif strategik dan 115 inisiatif telah tercapai.
19. PR-1432-L08733  
**Dato' Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Hospital Sri Aman pada masa ini. Bilakah ianya dijangka siap dibina.
20. PR-1432-L08848  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah yang Kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang berusaha membersihkan imej Bandaraya Kuala Lumpur dari gelandangan, penagih dadah, pengemis/kutu rayau, pendatang asing yang menjual bunga dan tisu di kawasan Bukit Bintang yang dilihat sebagai menjejaskan imej bersih dan ceria ibu kota.
21. PR-1432-L10059  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sewaktu Sabah, Sarawak beserta Singapura dalam Malaysia, peruntukan 35% dari jumlah kesemua kerusi Parlimen diberi akan tetapi setelah Singapura keluar dari Malaysia keadaan ini berubah di mana kerusi untuk Singapura disalurkan ke Semenanjung Malaysia menyebabkan kerusi Sabah dan Sarawak tinggal 28% dan Semenanjung Malaysia naik 7% menjadi 72%, apakah langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan nisbah 35: 65 kembali dari jumlah kerusi 222 keseluruhannya.
22. PR-1432-L09972  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berkaitan peruntukan sebanyak RM150 juta yang diumumkan untuk menyewa ruang niaga di Kompleks Perniagaan Berjaya Times Square oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

23. PR-1432-L10042  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan dan jumlah yang telah dibelanjakan dalam menangani wabak tersebut, bagaimana Kementerian memastikan setiap perbelanjaan tidak berlaku ketirisan dan apakah jaminan Kementerian dalam memastikan wabak tersebut dapat dikawal sepenuhnya.
24. PR-1432-L09927  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penyiasatan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap suatu laporan yang dibuat mengenai penganugerahan dan pelaksanaan Projek Kuching Musical Fountain bernilai RM31 juta yang melibatkan Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Auto Power Sdn. Bhd.
25. PR-1432-L08852  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah negara yang telah mengiktiraf Kerajaan Perikatan Nasional dan senaraikan nama negara-negara berkenaan.
26. PR-1432-L09247  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah industri halal sedia ada di negara ini terjejas ekoran wabak COVID-19 dan apakah rangsangan dan bantuan yang diberi kepada mereka dalam situasi sekarang mengikut negeri dan sektor.
27. PR-1432-L08832  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak penularan pandemik COVID-19 ke atas ekonomi dan sosial Malaysia keseluruhannya dan bagaimana Kerajaan melaksanakan program pemulihan ekonomi negara yang terjejas supaya keadaan berbalik semula sebagaimana landasan yang asal.
28. PR-1432-L09420  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap pencapaian skim PeKa 40 setakat ini dan rancangan seterusnya dalam usaha menambah baik lagi skim tersebut.
29. PR-1432-L08792  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah tarikh yang pasti pembinaan Hospital Pasir Gudang akan dimulakan.

30. PR-1432-L09198  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mewajibkan setiap ahli-ahli Parlimen untuk membuat pengisytiharan harta secara terbuka termasuk butiran mengenai pendapatan, perbelanjaan dan aset-aset.
31. PR-1432-L10011  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan tekanan antarabangsa bagi menentang pelan pengilhakan (*annexation*) sebahagian wilayah Tebing Barat.
32. PR-1432-L09148  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada semua anggota kabinet telah mengisytiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan adakah maklumat pengisytiharan harta ini boleh diakses oleh orang awam.
33. PR-1432-L09322  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejarah konvensyen Parlimen Westminster dan nyatakan apakah syarat-syarat yang membolehkan usul tidak percaya kepada YAB Perdana Menteri oleh YB Langkawi dibahaskan di dalam Dewan Rakyat. Nyatakan kemungkinan bila usul tersebut akan dibahaskan.
34. PR-1432-L10010  
**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan lepasan bidang perubatan, pergigian dan farmasi yang masih belum ditempatkan dalam Kerajaan. Apakah sebabnya berlaku lambakan graduan yang terpaksa menganggur seterusnya apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.
35. PR-1432-L10023  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penyiasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai skandal kontrak bernilai tidak kurang RM30 juta Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkaitan dengan pemerolehan peralatan untuk COVID-19 yang didakwa diberikan melalui rundingan secara langsung.

36. PR-1432-L09382  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembaharuan-pembaharuan yang telah dibawa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dari segi kecekapan dan keberkesanan agensi tersebut sejak tahun 2018? Sejauh manakah nilai-nilai kemanusiaan dan hak-hak asasi diberi kepentingan dalam proses penyiasatan yang dikendalikan oleh SPRM.
37. PR-1432-L09196  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perbincangan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan juga status penubuhan Jawatankuasa Parlimen untuk memantau pelaksanaan perkara-perkara yang dipersetujui dalam jawatankuasa tersebut.
38. PR-1432-L08735  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejajar dengan pengumuman Kabinet Perikatan Nasional bahawa semua Menteri wajib mengisytiharkan harta sebulan selepas pelantikan, apakah status pelaksanaannya dan kenapa gagal dipaparkan di laman web SPRM secara telus.
39. PR-1432-L08930  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan dan impak terhadap ekonomi negara akibat penularan pandemik COVID-19. Apakah langkah-langkah dan pelan pemulihan pasca COVID-19 yang diambil untuk memperkukuhkan ekonomi negara.
40. PR-1432-L09166  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah semua anggota kabinet Kerajaan kini mengisytiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jika telah diisytiharkan, bolehkah maklumat ini diakses oleh orang awam.
41. PR-1432-L08800  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan apakah rancangan-rancangan pemulihan ekonomi yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memperbaiki ekonomi Malaysia yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19.

42. PR-1432-L09048  
**Datuk Liew Vui Keong [ Batu Sapi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini 4 isu yang belum dipersetujui daripada 21 isu yang dikenal pasti bagi melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sepenuhnya untuk mengembalikan hak dan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi bersama dalam Persekutuan Malaysia.
43. PR-1432-L09319  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam membantu mengurangkan jurang pendapatan di antara kawasan luar bandar dan bandar, apakah pelan-pelan tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak NCER (*Northern Corridor*) untuk membantu dalam mengurangkan jurang pendapatan ini khususnya di Kawasan Sungai Siput. Apakah program-program yang akan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pengaliran masuk pengusaha-pengusaha untuk melabur di kawasan Sungai Siput.
44. PR-1432-L09411  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengangguran belia dan guna tenaga tidak penuh (*underemployment*) belia mengikut pecahan kebangsaan, negeri, umur, gender dan kelulusan akademik.
45. PR-1432-L09796  
**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada wujud apa-apa siasatan '*money trail*' dibuat terhadap pembayaran RM555 juta oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk pembelian saham-saham syarikat yang mendapat konsesi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES), dan jika ada apakah status siasatan tersebut.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
  - \* Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020.
  
2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
  - \* Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020.
  
3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
  - \* Rang Undang-undang Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( DR.4/2020 )      Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 - **Menyambung semula perbincangan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 18 Ogos, 2020 )**  
  
[ Menteri Kewangan ]
2. ( D.R. 7/2020 )      Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020      **Bacaan Kali Yang Kedua**  
  
[ Perdana Menteri ]
3. ( D.R 6/2020 )      Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19 ) 2020      "  
  
[ Perdana Menteri ]
4. ( D.R 5/2020 )      Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020      "  
  
[ Perdana Menteri ]
5. ( DR.3/2020 )      Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020      "  
  
[ Menteri Pengangkutan ]
6. ( D.R 37/2019 )      Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019      "  
  
[ Menteri Kesihatan ]
7. ( D.R 42/2019 )      Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019      "  
  
[ Perdana Menteri ]
8. ( D.R. 25/2019 )      Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019      "  
  
[ Perdana Menteri ]

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."
- 10 **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(1) dan subseksyen 91u(1)(a), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.55 dan ST.56 bagi tahun 2020 disahkan."
11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) dan subseksyen 163R(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.80, ST.81, ST.82 dan ST.83 bagi tahun 2020 disahkan."
12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.57 bagi tahun 2020 disahkan."
13. PR-1432-UL064  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-  
"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

14. PR-1432-U(27)116

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1432-U(27)114

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

16. PR-1432-U(27)115

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

17. PR-1432-U(27)119

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

18. PR-1432-U(27)120

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

19. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

21. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

23. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

24. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

25. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

26. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

27. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

28. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing , Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

29. PR-1432-U(27)129  
**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."  
**[ Perdana Menteri ]**
30. PR-1432-U(27)132  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."  
**[ Perdana Menteri ]**
31. PR-1432-U(27)131  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :  
  
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;  
  
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;  
  
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

32. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

33. PR-1432-U(27)133

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu mengkaji semula dan mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan tempoh moratorium pinjaman kepada semua pihak tanpa mengira *status quo* bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai. Hal ini kerana krisis pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar rakyat Malaysia. Kebelakangan ini, kes jangkitan COVID-19 baharu juga telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini berpotensi untuk Kerajaan mengetatkan semula PKP yang akan memperlahankan aktiviti ekonomi."

**[ Menteri Kewangan ]**

34. PR-1432-U(27)134

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu bagi mempertimbangkan dan mengembalikan semula cuti sekolah pada hujung tahun sebagai langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi rakyat. Dengan mengembalikan cuti sekolah pada hujung tahun, kita boleh jangkakan bahawa rakyat akan mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung halaman dan berkunjung ke tempat-tempat pelancongan dalam negara. Hal ini akan merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi luar bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cuti sekolah pada hujung tahun sememangnya telah terbukti suatu tempoh yang ditunggu-tunggu oleh para pemain industri dari pelbagai sektor, khususnya sektor pelancongan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2020</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 27	<b>Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971</b> Perintah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019 P.U.(A) 354/2019 yang diwartakan pada 18 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 33	<b>AKTA FI 1951</b> Perintah Fi (Pulau Sipadan) (Pembatalan) 2019 P.U. (A) 353 yang diwartakan pada 16 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 47	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) (Pindaan) 2019 P.U. (A) 387/2019 yang diwartakan pada 30 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 48	<b>Perintah Duti Kastam [Subseksyen 11 Akta Kastam 1967]</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 66/2020 yang diwartakan pada 26 Februari 2020	24 Ogos 2020
ST. 49	<b>Perintah Duti Kastam [Subseksyen 11 Akta Kastam 1967]</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Hong Kong, China) (No.2) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 67/2020 yang diwartakan pada 26 Februari 2020	24 Ogos 2020
ST. 50	<b>Perintah Duti Kastam [Subseksyen 11 Akta Kastam 1967]</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Australia – New Zealand) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 68/2020 yang diwartakan pada 26 Februari 2020	24 Ogos 2020
ST. 51	<b>Perintah Duti Kastam [Subseksyen 11 Akta Kastam 1967]</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara ASEAN dan China) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 69/2020 yang diwartakan pada 26 Februari 2020	24 Ogos 2020

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 52	<b>Perintah Duti Kastam [Subseksyen 11 Akta Kastam 1967]</b> Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) (No.2) 2020 P.U. (A) 110/2020 yang diwartakan pada 1 April 2020	24 Ogos 2020
ST. 53	<b>Akta Kastam 1967 [Subseksyen 11(2)]</b> Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2020 P.U. (A) 65/2020 yang diwartakan pada 26 Februari 2020	24 Ogos 2020
ST. 54	<b>Akta Kastam 1967 [Subseksyen 163R(2)]</b> Perintah Duti Kastam (Pangkor) 2019 P.U. (A) 413/2019 yang diwartakan pada 31 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 55	<b>Akta Eksais 1976 [Subseksyen 91u(2)]</b> Perintah Duti Eksais (Pangkor) 2019 P.U. (A) 412/2019 yang diwartakan pada 31 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 56	<b>Akta Eksais 1976 [Subseksyen 6(2)]</b> Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No.3) 2019 P.U. (A) 316/2019 yang diwartakan pada 15 November 2019	24 Ogos 2020
ST. 57	<b>Akta Cukai Jualan 2018 [Subseksyen 10(3)]</b> Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2019 P.U. (A) 370/2019 yang diwartakan pada 26 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 58	<b>Akta Cukai Jualan 2018 [Subseksyen 35(2)]</b> Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 104/2020 yang diwartakan pada 31 Mac 2020	24 Ogos 2020
ST. 59	<b>Akta Cukai Jualan 2018 [Subseksyen 35(2)]</b> Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.2) 2019 P.U. (A) 371/2019 yang diwartakan pada 26 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 60	<b>Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Subseksyen 34(2)]</b> Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2019 P.U. (A) 388/2019 yang diwartakan pada 31 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 70	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2020 P.U. (A) 139/2019 yang diwartakan pada 4 Mei 2019	24 Ogos 2020

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 71	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2020 P.U. (A) 153/2019 yang diwartakan pada 19 Mei 2019	24 Ogos 2020
ST. 72	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2019 P.U. (A) 53 yang diwartakan pada 25 Februari 2019	24 Ogos 2020
ST. 73	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Debentur Runcit dan Sukuk Runcit) 2019 P.U. (A) 117 yang diwartakan pada 22 April 2019	24 Ogos 2020
ST. 74	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Sukuk) 2019 P.U. (A) 118 yang diwartakan pada 22 April 2019	24 Ogos 2020
ST. 75	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2019 P.U. (A) 137 yang diwartakan pada 15 Mei 2019	24 Ogos 2020
ST. 76	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2019 P.U. (A) 147 yang diwartakan pada 24 Mei 2019	24 Ogos 2020
ST. 77	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal) (Kos Pembangunan Bagi Perisian Komputer Yang Dibuat Khas) 2019 P.U. (A) 274 yang diwartakan pada 27 September 2019	24 Ogos 2020
ST. 78	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967</b> Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Yuran Kesetiausahaan Dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 P.U. (A) 162 yang diwartakan pada 15 Mei 2020	24 Ogos 2020
ST. 79	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967</b> Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Kemboja) 2019 P.U. (A) 377/2019 yang diwartakan pada 31 Disember 2019	24 Ogos 2020

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 80	<b>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan Akta Kastam 1967</b> Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No.2) 2019 P.U. (A) 324/2019 yang diwartakan pada 25 November 2019	24 Ogos 2020
ST. 81	<b>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan Akta Kastam 1967</b> Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2020 P.U. (A) 94/2020 yang diwartakan pada 20 Mac 2020	24 Ogos 2020
ST. 82	<b>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan Akta Kastam 1967</b> Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2019 P.U. (A) 362/2019 yang diwartakan pada 24 Disember 2019	24 Ogos 2020
ST. 83	<b>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan Akta Kastam 1967</b> Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2020 P.U. (A) 22/2020 yang diwartakan pada 21 Januari 2020	24 Ogos 2020
CMD. 23	<b>Laporan Ketua Audit Negara 2019</b> Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan	24 Ogos 2020
CMD. 24	<b>Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1</b> Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	24 Ogos 2020

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 24.08.2020 (Isnin)	1. YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Sri Gading)	1. Status Pusat Pelupusan Sampah Bukit Payong	1. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2. 24.08.2020 (Isnin)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Penyakit Jarang Jumpa	2. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**